



## TEKS PERUTUSAN

**YB DR XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA  
SAMBUTAN HARI GAJAH SEDUNIA**

**12 OGOS 2018**

---

1. *World Elephant Day* atau Hari Gajah Sedunia disambut pada 12 Ogos setiap tahun sejak tahun 2011. Sambutan Hari Gajah Sedunia diwujudkan bagi mendedahkan masyarakat dunia tentang pemuliharaan spesies gajah, serta menyebarkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ancaman kritikal yang dihadapi oleh populasi gajah di seluruh dunia.
2. Gajah merupakan spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan disenaraikan di bawah Appendik 1, CITES (*Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora*). Selain itu, gajah juga dikategorikan sebagai hidupan liar yang terancam dalam Red List, IUCN (*International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources*).
3. Sebagai spesies “keystone” dalam ekosistem hutan, gajah memainkan peranan penting dari segi keseimbangan ekosistem dan merupakan lambang ke arah konservasi biodiversiti negara.

4. Anggaran populasi gajah liar di Semenanjung Malaysia kini adalah sebanyak 1,220 - 1,450 ekor, yang mana taburannya di negeri Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perak, Johor dan Negeri Sembilan.
5. Seiring dengan pembangunan negara, terdapat beberapa kawasan habitat gajah telah dibuka bagi tujuan pertanian, perladangan, kawasan penempatan serta pembinaan empangan dan pembinaan jalanraya atau lebuhraya. Keadaan ini memberi kesan kepada habitat gajah dan habitat hidupan liar secara keseluruhannya, yang menyumbang kepada konflik manusia-hidupan liar.
6. Konflik manusia-hidupan liar merupakan isu pengurusan hidupan liar yang diuruskan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan PERHILITAN. Sebanyak 32,633 aduan konflik hidupan liar direkodkan bagi tahun 2013-2017 di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 1,986 kes merupakan aduan konflik yang melibatkan spesies gajah.
7. Nilai anggaran kerugian akibat konflik manusia-gajah dari tahun 2013 hingga 2017 adalah sebanyak RM13.88 juta, termasuk kemusnahan hasil pertanian dan harta benda. Walau bagaimanapun, rekod kes serangan gajah terhadap manusia di Semenanjung Malaysia adalah rendah. Berdasarkan rekod bagi tahun 2013 – 2017, sejumlah 12 kes serangan gajah terhadap manusia telah direkodkan, di mana lapan (8) kes melibatkan kecederaan dan empat (4) kes melibatkan kematian.

8. Kemalangan hidupan liar (*wildlife roadkill*) turut berlaku apabila hidupan liar cuba melintas jalan raya atau lebuh raya bagi bergerak ke kawasan hutan yang bertentangan untuk mencari makanan, mencari pasangan atau mencari habitat yang lebih sesuai untuk berkeliaran. Fragmentasi habitat telah menyebabkan hidupan liar memasuki kawasan lebuh raya yang menyebabkan berlakunya kemalangan. Statistik daripada tahun 2013-2017 merekodkan sebanyak 2,176 kes kemalangan hidupan liar dan daripada jumlah tersebut, empat (4) kes melibatkan spesies gajah.
9. Bagi mengurangkan insiden kemalangan hidupan liar, kerajaan telah memasang 280 papan tanda lintasan hidupan liar di 170 lokasi *hotspot* yang telah dikenalpasti di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemasangan papan tanda ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada pemandu supaya memperlahankan kenderaan mereka ketika melalui kawasan lintasan hidupan liar. Sebanyak 37 set *transverse bar* dan 24 unit *solar amber light* juga dipasang di empat (4) lokasi lintasan hidupan liar.
10. Usaha pengurusan konflik gajah melibatkan kos yang tinggi. Kos bagi setiap operasi translokasi gajah liar boleh mencecah sehingga RM50,000.00. Pendekatan mengeluarkan gajah liar dari habitat asal merupakan cara terakhir dalam pengurusan populasi gajah liar. Kaedah translokasi merupakan penyelesaian jangka pendek memandangkan banyak hutan dibuka untuk pelbagai tujuan pembangunan.
11. Sebagai pendekatan penyelesaian jangka panjang, Jabatan PERHILITAN telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan inovasi pembinaan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) mulai tahun 2009.

Sebanyak 16 buah SPEG telah dibina di kawasan konflik gajah dari tahun 2009 hingga 2015 dengan kos sebanyak RM13.6 juta.

12. Pembinaan SPEG merupakan antara usaha Jabatan yang berjaya mengekalkan populasi gajah liar di habitat asalnya di samping mengurangkan konflik di penempatan manusia. Berdasarkan rekod aduan gangguan gajah, terdapat penurunan sebanyak 75% kes selepas pembinaan SPEG. Nilai kerugian juga telah berjaya dikurangkan daripada anggaran RM5.92 juta setahun kepada RM1.45 juta setahun setelah pembinaan SPEG. Nilai kerugian dalam tempoh lima (5) tahun dianggarkan boleh mencecah RM29.6 juta sekiranya SPEG tidak dibina.
13. Di samping itu, kerajaan juga telah melaksanakan aktiviti di bawah Pelan Induk Central Forest Spine (CFS) yang bertujuan untuk mewujudkan kesinambungan habitat biodiversiti negara, termasuk hidupan liar seperti gajah di empat (4) kompleks hutan utama iaitu Banjaran Titiwangsa – Banjaran Bintang – Banjaran Nakawan; Taman Negara – Banjaran Timur; Pahang Tenggara, Chini dan kawasan Bera; serta Taman Negara Endau Rompin - Rezab Hidupan Liar Kluang.
14. Spesies gajah juga merupakan sasaran penjenayah hidupan liar yang menjalankan aktiviti pemburuan haram. Direkodkan sebanyak 19 ekor gajah mati akibat pemburuan haram sepanjang tahun 2014 sehingga Julai 2018. Gajah dijadikan mangsa kerakusan manusia demi mendapatkan keuntungan secara singkat tanpa melihat kesan jangka panjang yang akan berlaku kepada spesies ini.

15. Untuk itu, Jabatan PERHILITAN telah terlibat di dalam Program Pemantauan Pemburuan Haram Gajah atau *Monitoring the Illegal Killing of Elephants* (MIKE). Program ini merupakan satu inisiatif yang diwujudkan menerusi resolusi Persidangan Pihak-pihak (CoP) kepada Konvensyen Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora yang Terancam (CITES), ke arah membendung aktiviti pemburuan haram gajah yang semakin berleluasa di negara-negara yang terlibat. Data-data yang dikumpulkan melalui MIKE akan dijadikan maklumat penting yang diperlukan oleh negara-negara terbabit untuk membuat keputusan yang melibatkan pengurusan dan penguatkuasaan, demi kelestarian spesies gajah di negara berkenaan.
  
16. Selain itu, gajah juga turut menjadi sasaran jerat yang dipasang oleh pemburu haram. Menyedari jerat sebagai ancaman utama hidupan liar, tahun 2018 telah diisytiharkan sebagai Tahun Perangi Jerat. Tahun Perangi Jerat 2018 dilaksanakan melalui operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia dan juga operasi bersama Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan hidupan liar seperti WWF-Malaysia, Wildlife Conservation Society (WCS), Malaysia Nature Society (MNS), RIMBA, Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (PELINDUNG), The Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MYCAT) dan The Wildlife Trade Monitoring Network (TRAFFIC) Southeast Asia. Lebih daripada 2,890 utas jerat telah dimusnahkan dalam 479 operasi jerat yang telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN sepanjang tahun 2014 sehingga Jun 2018.

17. Dalam usaha pengurusan hidupan liar yang mapan, Kementerian melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai inisiatif dan langkah proaktif demi menjamin kelestarian populasi ini. Kerajaan telah membangunkan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (NECAP) yang menggariskan strategi dan pendekatan praktikal bagi tujuan pengurusan gajah yang bersepadu dan sistematik dengan melibatkan semua *stakeholder* bagi tempoh sepuluh (10) tahun (2013 – 2022). Pelan NECAP ini dibangunkan oleh kerajaan bersama-sama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan universiti tempatan.
18. NECAP adalah sebuah pelan yang komprehensif untuk memastikan usaha konservasi gajah seperti populasi gajah ditingkatkan di habitat utama, melindungi habitat gajah, memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan gajah, pengurusan efektif konflik gajah-manusia, dan juga dari segi meningkatkan penyelidikan dan pengetahuan tentang ekologi dan biologi gajah.
19. Kerjasama di antara pihak negeri dan persekutuan amat penting untuk memastikan teras NECAP dapat direalisasikan. Program/ Inisiatif MyGajah iaitu gabungan agensi utama dalam pemuliharaan gajah di Malaysia telah diwujudkan untuk berkongsi sumber dan kepakaran ke arah melaksanakan semua rancangan dan tindakan di bawah NECAP demi memastikan kelestarian populasi gajah liar negara kita.

20. Harapan saya semoga semua rakyat Malaysia, NGO dan stakeholder bersama-sama menyokong kerajaan untuk melindungi, mengekalkan dan menghargai biodiversiti negara terutamanya hidupan liar seperti gajah sebagai nyawa dan warisan yang tiada nilai harganya.

Sekian, terima kasih.

**DR. XAVIER JAYAKUMAR**  
**MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**